

## Pengawal peribadi cedera parah dirempuh Perodua Myvi **Terperosok bawah kereta**

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

**KUALA LUMPUR** – Seorang pengawal peribadi yang sedang berjalan kaki cedera parah selepas dirempuh sebuah kereta Perodua Myvi sebelum mangsa terperosok di bawah kenderaan itu di hadapan Hotel Corus, Jalan Ampang di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 7.15 pagi itu, mangsa, Muhamad Amirul Zahari yang berusia dalam lingkungan 30-an mengalami kecederaan parah pada kepala, kaki dan paha selepas terperosok di bawah kereta itu selama hampir satu jam.

Pemandu kereta Perodua Myvi, Nur Akmal Sadon dan seorang penumpang wanita, Nur Nazlin Alfira Nazari masing-masing berusia 30-an pula hanya cedera ringan pada dada akibat kesan hentakan ketika kemalangan berlaku.

Kemalangan tersebut dipercayai berlaku apabila pemandu

kereta terbabit tiba-tiba hilang kawalan sebelum merempuh mangsa yang sedang berjalan kaki di lokasi kejadian.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Khirudin Drahrman berkata, sepasukan enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak telah bergegas ke lokasi sebaik menerima panggilan.

“Anggota bomba terpaksa menggunakan peralatan khas untuk mengangkat kereta berkenaan bagi mengeluarkan mangsa yang terperosok di bawahnya.

“Pemandu kereta dan penumpang yang berada di dalam kereta berkenaan telah dikeluarkan selepas pasukan kami menggunakan alat pemotong khas untuk merenggangkan pintu kereta berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kesemua mangsa yang terlibat telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk menerima rawatan lanjut.



PASUKAN bomba berusaha mengeluarkan seorang lelaki yang terperosok di bawah Perodua Myvi selepas dirempuh kereta itu di hadapan Hotel Corus, Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam.